

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 26 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, MEI 2025

Terma Perdagangan Malaysia menurun 0.5 peratus pada Mei 2025, terutamanya disumbangkan oleh Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran.

PUTRAJAYA, 26 JUN 2025 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Mei 2025 menurun 1.5 peratus daripada 150.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 148.0 mata. Begitu juga, indeks nilai seunit import mencatatkan kejatuhan 1.1 peratus daripada 126.2 mata kepada 124.8 mata. Terma Perdagangan Malaysia turut menyusut 0.5 peratus bulan ke bulan kepada 118.6 mata pada Mei 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), MEI 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport menurun 1.5 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.1%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-4.1%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%). Begitu juga, indeks volum eksport menyusut 3.7 peratus selaras dengan penurunan indeks minyak galian (-14.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-9.8%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim juga turut susut 2.7 peratus daripada 170.8 mata kepada 166.1 mata.

Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit eksport jatuh 1.5 peratus manakala indeks volum naik 0.4 peratus.

Indeks nilai seunit import merosot 1.1 peratus pada Mei 2025, disumbangkan oleh penyusutan indeks minyak galian (-6.5%), bahan kimia (-0.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.1%). Tambahan pula, indeks volum import juga turut menyusut 0.9 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.1%) dan bahan kimia (-1.4%). Indeks volum import pelarasan bermusim menyusut 2.4 peratus daripada 238.6 mata kepada 232.7 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.7 peratus manakala indeks volum menaik 11.8 peratus.


Terma perdagangan Malaysia meleset 0.5 peratus bulan ke bulan kepada 118.6 mata pada Mei 2025, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.2%), bahan kimia (-0.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.4%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 3.3 peratus daripada 114.8 mata pada Mei tahun lalu.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2023 – Mei 2025**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JUN 2025